

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 JANUARI 2018 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	'Keluar awal' sentiasa diamalkan di Kemaman ketika banjir	BERNAMA
2.	SK Uma Sambop di Kapit masih ditutup	BERNAMA
3.	Cuaca buruk beransur pulih – Jabatan Meteorologi	Utusan Malaysia
4.	Cuaca di Pahang, Terengganu dan Johor bertambah baik	Utusan Online
5.	Ribut petir, hujan lebat berterusan pagi ini	BH Online
6.	Hackers using 'speculative execution' to steal data	The Star
7.	Hackers using 'speculative execution' to steal data	The Star Online
8.	e-Dompet kaedah pembayaran tanpa tunai	Kosmo
9.	Macau Scam masih berleluasa	Sinar Harian Online

TARIKH: 5 JANUARI 2018 (JUMAAT)



'Keluar Awal', Sentiasa Diamalkan Di Kemaman Ketika Banjir



KEMAMAN 4 Jan (Bernama) -- Memberi amaran supaya mangsa banjir berpindah awal ke pusat pemindahan yang menjadi prosedur operasi standard (SOP) dalam menghadapi banjir ternyata bermanfaat dan mengurangkan keperluan operasi mencari dan menyelamat.

Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Wan Abdul Hakim Wan Mokhtar, berkata modus operandi sebelum ini telah dikaji dan beberapa perubahan telah dibuar agar bersesuaian dengan keadaan semasa.

"Kalau dulu kita terlalu sibuk nak pergi selamatkan orang dan hantar makanan kepada mangsa hingga sumber logistik seperti bot tidak cukup. Namun sejak 2014 kita tukar modus operandi dengan memberi amaran keluar awal.

Kini hampir 80 peratus sumber logistik kita tak perlu lagi menghantar makanan sebab setiap pusat pemindahan telah menyediakan makanan untuk lima hari jadi malah mana-mana pusat yang terkepung pun mempunyai bekalan mencukupi," katanya semasa ditemui media selepas membuat lawatan dan menghantar makanan tambahan ke semua pusat pemindahan di sini.

Katanya, apabila sumber logistik dijaga dan diletakkan di pusat utama ia memudahkan penghantaran pasukan tambahan seperti pegawai kesihatan ke pusat-pusat pemindahan apabila diperlukan.

Wan Abdul Hakim berkata kerjasama antara anggota keselamatan, Jabatan Daerah dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) turut memudahkan semua pihak melaksanakan modul yang telah dirancang, yang dikenali sebagai modul Kemaman.

"Tanpa mereka tak mungkin modul Kemaman boleh dilaksanakan...kerjasama pasukan sangat penting malah jika ada 'model terbaik' pun tetapi tidak ada orang dan semangat berpasukan...ia tidak akan berjaya laksanakan," katanya.

Mengulas mengenai lawatan beliau ke pusat pemindahan yang bermula sejak awal pagi, beliau berkata ia menjadi aktiviti hariannya meskipun tanpa majlis rasmi apabila tiba musim tengkujuh, namun lawatan hari ini dilakukan bagi menghantar bekalan bahan mentah segar.

Dalam lawatan yang sama, Pengurus Besar Petronas Wilayah Pantai Timur Wan Mohd Hasnan Abdullah turut menyampaikan bekalan makanan di beberapa pusat pemindahan sementara.

Selain itu, Wan Abdul Hakim berkata walaupun amaran hujan telah ditarik balik oleh **Jabatan Meteorologi Malaysia** petang tadi, mangsa masih diminta tinggal di pusat pemindahan kerana dikhuatirai air naik kerana kemungkinan air pasang besar berlaku malam ini.

-- BERNAMA

TARIKH: 5 JANUARI 2018 (JUMAAT)



SK Uma Sambop Di Kapit Masih Ditutup

MIRI, 5 Jan (Bernama) -- Sekolah Kebangsaan (SK) Uma Sambop di Kapit menjadi satu-satunya sekolah di Sarawak yang tidak dapat dibuka pada minggu pertama persekolahan tahun ini kerana kerja-kerja pembersihan masih dijalankan.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) berkata, SK Uma Sambop yang ditutup sejak hari pertama persekolahan terletak di daerah Belaga, Kapit masih lagi dalam proses susun atur peralatan serta perabot kelas, asrama dan dewan makan dilakukan bersama guru dan ibu bapa.

"Sekolah tersebut mempunyai 158 murid, 15 guru dan sembilan kakitangan pentadbiran," katanya dalam kenyataan pagi ini.

JPBNS dalam kenyataan sama berkata berdasarkan ramalan cuaca dikeluarkan **Jabatan Meteorologi** pada 7.30 pagi ini meramalkan pada sebelah petang berlaku ribut petir dan pada sebelah malam, hujan yang kedua-dua situasi itu dijangka berlaku di satu atau dua tempat di Sarawak.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGARA) : MUKA SURAT 6
TARIKH: 5 JANUARI 2018 (JUMAAT)**

Cuaca buruk beransur pulih - Jabatan Meteorologi

KUALA LUMPUR 4 Jan. - Cuaca buruk yang mengakibatkan hujan lebat di beberapa negeri termasuk Pahang, Terengganu dan Johor beransur pulih mulai hari ini dan dijangka berterusan dalam tempoh terdekat.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Alui Bahari berkata, amaran cuaca yang dikeluarkan pada 28 Disember lalu dan terakhir dikemas kini pada pukul 8.30 pagi semalam telah ditamatkan.

"Kami telah menamatkan amaran cuaca buruk (peringkat jingga) untuk daerah Kemaman, Tereng-

ganu dan daerah Kuantan, Pekan, Rompin, Maran dan Bera di Pahang.

"Sementara itu, amaran cuaca berwaspada (peringkat kuning) di selatan tanah air seperti daerah Segamat dan Mersing di Johor serta daerah Jelebu, Jempol dan Tampin di Negeri Sembilan yang dijangka berlaku sehingga semalam turut ditamatkan hari ini," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Tambahnya lagi, walau pun keadaan cuaca semakin pulih, semua pihak dinasihatkan agar sentiasa bersiap sedia dengan segala kemungkinan dan peka dengan

amaran hujan lebat yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi.

Dalam perkembangan lain, Alui memberitahu, lekukan tropika *bolevan* yang boleh mempengaruhi keadaan cuaca dan laut telah dikecamban berada pada kedudukan latitud 12.0 utara dan longitud 111.0 timur, kira-kira 197 kilometer ke tenggara Nha Trang, Vietnam.

"Ia dijangka bergerak ke arah barat laut dengan kelajuan 30 kilometer sejam (km/j),

"Walau bagaimanapun, tiada kesan signifikan terhadap Malaysia," katanya.



Cuaca di Pahang, Terengganu dan Johor bertambah baik

KUALA LUMPUR 4 Jan. - Keadaan cuaca di tiga buah negeri iaitu Pahang, Terengganu dan Johor bertambah baik dan tiada lagi jangkaan hujan lebat berterusan akan berlaku dalam tempoh terdekat.



ALUI BAHARI

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Alui Bahari berkata, amaran cuaca yang dikeluarkan pada 28 Disember tahun lalu dan terakhir dikemas kini pada pukul 8.30 pagi semalam telah ditamatkan.

"Pihak kami telah menamatkan amaran cuaca buruk (peringkat jingga) untuk daerah Kemaman, Terengganu dan daerah Kuantan, Pekan, Rompin, Maran dan Bera di Pahang.

"Sementara itu, amaran cuaca berwaspada (peringkat kuning) di selatan tanah air seperti daerah Segamat dan Mersing di Johor serta Jelebu, Jempol dan Tampin di Negeri Sembilan yang dijangka berlaku sehingga semalam turut ditamatkan hari ini," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya lagi, walau pun keadaan cuaca semakin pulih, semua pihak dinasihatkan agar sentiasa bersiap siaga dengan segala kemungkinan yang akan berlaku dan peka dengan amaran hujan lebat yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi. -UTUSAN ONLINE



Ribut petir, hujan lebat berterusan pagi ini

KUALA LUMPUR: Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) mengeluarkan amaran ribut petir, hujan lebat berserta angin kencang di beberapa kawasan di Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor yang dijangka berterusan sehingga jam 9 pagi ini.

Ia membabitkan daerah Kerian, Larut, Matang & Selama, Manjung, Perak Tengah, Bagan Datuk dan Hilir Perak di Perak; Klang, Kuala Langat dan Sepang di Selangor; Daerah Rembau, Seremban dan Port Dickson di Negeri Sembilan serta Tangkak, Muar dan Batu Pahat di Johor.

MetMalaysia turut mengeluarkan amaran angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dijangka berlaku di kawasan perairan utara Condore dan utara Reef North, hari ini.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora ini berbahaya kepada bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

"Ribut petir di perairan Phuket, Selat Melaka dan Reef South dijangka berterusan pagi ini yang boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter serta berbahaya kepada bot-bot kecil," kata MetMalaysia dalam satu kenyataan pagi ini.

Sementara itu, ribut petir di perairan Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor Barat dijangka berterusan dalam tempoh yang sama.

Keadaan ini boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter serta berbahaya kepada bot-bot kecil.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 5 JANUARI 2018 (JUMAAT)

Hackers using 'speculative execution' to steal data

By SHARMILA NAIR
bytz@thestar.com.my

PETALING JAYA: Security flaws in Intel, Advanced Micro Devices (AMD) and ARM chips – used in most computers, servers and mobile phones – could allow hackers to steal data, including passwords and encryption keys.

"What the hackers are doing for the first time is using the 'speculative execution' techniques that we have in most modern processors," said Intel Corp corporate vice-president and general manager of data centre engineering Stephen Smith.

Attackers could spy into the processor when it uses "speculative execution" to guess what it needs to do next and fetches data ahead of time to increase performance

instead of just idling.

The flaws, named Meltdown and Spectre, were discovered by researchers with Alphabet's Google Project Zero. Microsoft and Apple have released updates to fix the Meltdown vulnerability, according to Fortinet security research director David Maciejak.

Windows should pick up the update automatically but you can also patch your computer manually by downloading it from <http://bit.ly/2lSMuiB>.

Apple has made the macOS patch available since the first week of December 2017 through its High Sierra 10.13.2 update.

Google has issued an update to help protect your phone – this update will be automatically downloaded if you have a Google-branded



Fixing the problem: Microsoft and Apple have released updates to fix the Meltdown vulnerability while other manufacturers are expected to follow suit.

phone such as the Pixel.

Other manufacturers are expected to follow suit.


"It is scary to note that hackers have gone beyond applications to attack us. Now they are delving deep into the hardware to look for vulnerabilities," said Cybersecurity

Malaysia's responsive services division senior vice-president Dr Aswami Fadillah Mohd Ariffin.

He added that the onus is on the manufacturers to ensure that their products have been tested for vulnerabilities and to provide security patches on time.



Hackers using ‘speculative execution’ to steal data



Fixing the problem: Microsoft and Apple have released updates to fix the Meltdown vulnerability while other manufacturers are expected to follow suit.

PETALING JAYA: Security flaws in Intel, Advanced Micro Devices (AMD) and ARM chips – used in most computers, servers and mobile phones – could allow hackers to steal data, including passwords and encryption keys.

“What the hackers are doing for the first time is using the ‘speculative execution’ techniques that we have in most modern processors,” said Intel Corp corporate vice-president and general manager of data centre engineering Stephen Smith.

Attackers could spy into the processor when it uses “speculative execution” to guess what it needs to do next and fetches data ahead of time to increase performance instead of just idling.

The flaws, named Meltdown and Spectre, were discovered by researchers with Alphabet’s Google Project Zero. Microsoft and Apple have released updates to fix the Meltdown vulnerability, according to Fortinet security research director David Maciejak.

Apple has made the macOS patch available since the first week of December 2017 through its High Sierra 10.13.2 update.

Google has issued an update to help protect your phone – this update will be automatically downloaded if you have a Google-branded phone such as the Pixel.

Other manufacturers are expected to follow suit.

“It is scary to note that hackers have gone beyond applications to attack us. Now they are delving deep into the hardware to look for vulnerabilities,” said **Cybersecurity Malaysia’s responsive services division senior vice-president Dr Aswami Fadillah Mohd Ariffin.**

He added that the onus is on the manufacturers to ensure that their products have been tested for vulnerabilities and to provide security patches on time.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (ISU) : MUKA SURAT 24
TARIKH : 5 JANUARI 2018 (JUMAAT)**

ISU



PELAJAR jurusan Perakaunan Unisza, Amirul Syafiq Che Ajizi, 24, (kanan) membuat pembayaran menggunakan aplikasi mudah alih Boost di sebuah gerai jualan universiti itu baru-baru ini.

APLIKASI pembayaran mudah alih menggunakan telefon pintar menggantikan kad kredit dan kad debit.
— Gambar hasan



e-Dompet kaedah pembayaran tanpa tunai

JIKA dahulu, kad kredit dan debit telah mengambil peranan wang, kini pembayaran mudah alih menggunakan telefon pintar atau juga dikenali sebagai e-Dompet telah menggantikan fungsi dompet fizikal.

Menurut Laporan Ekonomi 2017/2018, e-Dompet pada asasnya adalah versi digital dompet yang menyimpan maklumat pengguna. Antaranya termasuklah identiti pengguna, e-mel, alamat rumah, kad kredit, nombor akaun dan kad hadiah dalam persekitaran selamat.

Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengambil pelbagai langkah dalam meningkatkan platform e-Pembayaran, sekaligus mengerakkan negara ke arah masyarakat tanpa tunai.

La dapat dilihat pada tahun ini, berkira kuasa 1 Julai 2018, bayaran Pemindahan Segera sebanyak 50 sen bakal dimansuhkan bagi pemindahan sehingga RM5,000 setiap transaksi oleh individu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Pilihan

Antara perkhidmatan e-Dompet di Malaysia yang tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ialah Alipay, Visa Checkout, Masterpass, CIMB Pay dan Samsung Pay.

Terbaru, Ahad lalu, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) muncul sebagai kampus tanpa tunai pertama di wilayah Pantai Timur menerusi pelancaran aplikasi dompet elektronik Boost sebagai kaedah pembayaran tunggal untuk semua pembelian di universiti itu.



ZURIATI



NURADLI RIDZWAN

Pengarah Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia, Dr Nuradli Ridzwan Shah Mohd. Dali berkata, kewujudan aplikasi e-Dompet membeli lebih pilihan kepada pengguna dalam urusan jual beli.

Langkah itu sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan sebanyak 63 peratus kebergantungan transaksi pembayaran tunai menjelang tahun 2020 dalam menyediakan akses, fleksibiliti dan pilihan kepada pengguna serta memberi pengalaman pembayaran mudah dan selamat.

Katanya, aktiviti jual beli secara online atau menggunakan kad debit atau kredit, sistem e-Dompet membolehkan pengguna membuat bayaran sesuatu barang atau perkhidmatan dalam jumlah yang secukupnya tanpa memerlukan pemulangan baki.

"Beginitupun, dalam menggunakan e-Dompet, sebarang pertukaran wang perlu mengikut kepada hukum jual beli mata wang seperti yang digariskan Islam.

"Jika dilihat, aplikasi seperti Boost memerlukan pengguna membuat pemindahan atau penambahan wang melalui kad debit, kad kredit atau perbankan secara online. Pendek kata, ia masih menggunakan nilai mata wang sebenar bukan seperti bitcoin atau seumpamanya."

"Dalam hal ini, pengguna boleh membuat perancangan kewangan dengan membuat anggaran jumlah yang perlu dimasukkan ke dalam aplikasi tersebut secara bulanan atau mingguan mengikut keperluan," katanya ketika dihubung Kosmo baru-baru ini.

Beliau berpendapat, jika sesuatu

institusi ingin melaksanakan sistem pembayaran tunggal seperti Unisza, mereka perlu menyediakan akses kemudahan itu meliputi semua aspek perkhidmatan supaya ia boleh diseragam dan diaplikasikan secara menyeluruh.

Justeru, aplikasi pembayaran mudah alih dapat membantu menjana pendapatan dan merancakkan segmen pembayaran tanpa tunai dalam negara.

Keselamatan

"Selain itu, dari aspek pengurusan perakaunan, urus niaga mudah alih akan menyebabkan sistem penyimpanan rekod dan urusan mengemas kini aliran wang tunai menjadi lebih sistematis," jelasnya.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Teknologi Komunikasi dan Rangkaian, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Zuriati Ahmad Zukarnain berkata, transaksi secara online menggunakan telefon pintar turut tidak terlepas daripada ancaman siber.

"Isu-isu seperti sekuriti pengekodan, sistem pembayaran dan risiko penggodaman menjadi antara elemen yang perlu diperhatikan dalam membangunkan aplikasi pembayaran mudah alih."

"Sama seperti penipuan perbankan dan kad kredit, penjenayah masih boleh mengeksplotasi sistem tersebut," kata Ahli Panel Pembangunan Senarai Algoritma Kriptografi Terpercaya Negara di bawah Cyber Security Malaysia itu.

Beliau menyarankan, antara langkah keselamatan yang boleh diambil pengguna ialah mengelak daripada menggunakan Wi-Fi awam ketika melakukan urus niaga melalui platform tersebut.

Penggunaan Wi-Fi terbuka membolehkan penggodam mencuri data peribadi dan menggunakan untuk kepentingan mereka.

**BERITA ONLINE
SINARHARIAN.COM.MY
TARIKH: 5 JANUARI 2018 (JUMAAT)**



Macau Scam masih berleluasa



Hasjun (kanan) selepas melancarkan bas promosi bergerak sempena Karnival Kewangan Kedah.

ALOR SETAR - Orang ramai diingatkan berhati-hati dengan panggilan telefon palsu atau sistem pesanan ringkas (SMS) yang mendakwa mewakili Bank Negara Malaysia atau mana-mana bank komersil, susulan modus operandi sindiket penipuan masih berleluasa dan sukar dikesan.

Ketua Pejabat Bank Negara Malaysia (BNM) Pulau Pinang, Hasjun Hashim berkata, penipuan melalui panggilan telefon atau dikenali Macau Scam ini dikesan berlaku di seluruh negara dan sindiket terbabit mempunyai sasaran golongan tertentu di setiap kawasan.

"Sehingga kini masih banyak aduan diterima membabitkan penipuan melalui panggilan telefon, yang menyamar sebagai wakil pihak bank, mahkamah serta pegawai polis. Sindiket ini memiliki strategi licik dan berstruktur untuk perdaya mangsa," katanya.



Antara SMS palsu yang cuba memperdaya mangsa.

Menurutnya, jenayah kewangan ini dipantau Bank Negara Malaysia dan pihaknya bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta **CyberSecurity Malaysia**.

“Modus operandi hampir sama, iaitu sindiket menelefon mangsa maklumkan mereka mempunyai hutang atau tunggakan bayaran dan diminta menjelaskannya segera. Mangsa diarahkan membuat pembayaran atau pemindahan wang dalam waktu singkat, dan diberikan nombor akaun atau nombor telefon untuk dihubungi,” katanya.

Hasjun berkata, apabila nombor telefon pemanggil direkodkan untuk siasatan, dan serbuan dilakukan pihak berkuasa, yang ditemui hanyalah bilik kosong kerana panggilan dibuat dari luar negara.

“Panggilan telefon itu menggunakan teknik khas spoofing. Nombor telefon tertera kebiasaan milik agensi atau jabatan berkaitan yang dipalsukan sindiket itu. Ada tertera nombor Bank Negara, tetapi sebenarnya panggilan dari luar negara,” katanya.

Menurutnya, nombor telefon terbabit akan disekat, bagaimana pun, kegiatan itu tetap berulang.

“Hari ini kita sekat, esok masih ada lagi, mungkin nombor telefon bertukar atau strategi panggilan berubah. Yang penting, orang ramai jangan panik atau ikut arahan tanpa rujuk pihak berkenaan selain peka dengan panggilan meragukan,” katanya.

Hasjun berkata, skim cepat kaya antara kes penipuan yang menerima aduan tertinggi, selain Macau Scam.

“Aktiviti skim cepat kaya juga masih wujud, walaupun Bank Negara Malaysia telah senaraikan 426 entiti yang disyaki menjalankan aktiviti tidak mengikut perundangan. Ini termasuk pelaburan emas, yang dijanjikan pulangan dalam tempoh tertentu,” katanya.

Menurutnya, kebanyakannya tidak memiliki bukti dokumen berikutan pelaburan dilakukan secara atas talian.

“Ini antara sebab sukar untuk kita kesan dalam sindiket, seterusnya mengambil tindakan perundangan. Untuk elak risiko, pilih pelaburan yang disahkan selamat dan elak terjerat dalam skim piramid,” katanya.

Terdahulu, pada sidang media Karnival Kewangan Kedah, Hasjun berkata, Bank Negara Malaysia akan menganjurkan Karnival Kewangan Kedah bermula 19 hingga 21 Januari di Alor Setar, bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai produk dan hak pengguna berkaitan kewangan.

“Bertemakan ‘Utamakan keperluan kewangan anda’, karnival berkonsepkan pusat sehenti belajar sambil berhibur ini menyasarkan 20,000 pengunjung. Tarikan lain termasuk pocket talks, pembiayaan perniagaan, khidmat nasihat kewangan serta cabutan bertuah bernilai lebih RM150,000,” katanya.

Menurutnya, golongan muda juga akan dibimbing dalam mengurus kewangan serta menjana pendapatan tambahan melalui program digital eRezeki dan eUsahawan, antaranya YouCanDuit.

Hasjun turut melancarkan bas promosi bergerak menjelajah ke 24 lokasi bermula dari Taiping, Perak ke Kangar, Perlis dan berakhir di Tesco Stargate, Alor Setar.